



# Panduan Mengajar untuk Guru & Ibu Bapa

Edisi 21



## ISI KANDUNGAN

◆ Kemahiran Membaca	3
◆ Awal Sains dengan pendekatan STEM	4 - 5
◆ Panduan – Ceria Bersama Ciki	6
◆ Panduan – Ani dan Umar	7 - 8
◆ Panduan – Little Prof	9 - 12
◆ Panduan – Kisah Teladan	13 - 14
◆ Panduan – Chan Chan the Chick	15 - 16

## PENGENALAN

Majalah Awal edisi ini membawa anak-anak meneroka pelbagai isi kandungan dan aktiviti menarik. Tema utama untuk edisi ini adalah **Diri Saya** dengan subtema yang sama iaitu **Diri Saya**.

Panduan ini disediakan untuk membantu guru merancang Pengajaran dan Pembelajaran di dalam kelas. Fokus untuk panduan ini menjurus kepada pembentukan kemahiran membaca dan pemahaman awal sains melalui pendekatan STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*).

Semoga guru-guru dapat memanfaatkan panduan yang disediakan agar pembelajaran menggunakan majalah AWAL di dalam kelas dapat membentuk anak-anak menjadi lebih kritis, kreatif dan inovatif.

## **KEMAHIRAN MEMBACA**

Membaca merupakan proses mentafsir bunyi yang dilambangkan oleh gabungan huruf dalam sesuatu perkataan. Kajian terkini menunjukkan bahawa kesedaran fonemik merupakan petanda asas keupayaan anak untuk dapat membaca. Kesedaran fonemik ini ialah kesedaran bahawa dalam sesuatu perkataan itu terdapat bunyi-bunyi asas yang bergabung untuk membentuk perkataan tersebut.

Dalam mengajar membaca, guru atau ibu bapa perlu memberi bimbingan dengan melakukan aktiviti seperti bacaan bersama, permainan bahasa, bernyanyi, bercerita dan bacaan berrima kerana ia dapat membantu anak menguasai kemahiran membaca.

## **KEMAHIRAN ASAS MEMBACA**

Terdapat 4 kemahiran asas membaca dalam apa jua bahasa. Kemahiran ini perlu diajar kerana ia bukan kemahiran semulajadi. Kemahiran ini dirumuskan mengikut sistem 4P seperti berikut:

1. Pengisian Bunyi (P1)  
Kemahiran mendengar dan menyebut bunyi-bunyi asas yang ada dalam sesuatu bahasa. Bunyi-bunyi asas ini dikenali sebagai fonem.
2. Pengecaman Bentuk (P2)  
Kemahiran mengaitkan bunyi dengan huruf atau gabungan huruf yang melambangkan bunyi tersebut.
3. Pemisahan Bunyi (P3)  
Kemahiran memilih dan memisahkan bunyi-bunyi yang sesuai dalam sesuatu perkataan.
4. Pemaduan Bunyi (P4)  
Kemahiran memadukan bunyi-bunyi asas untuk membentuk suku-suku kata dan seterusnya memadukan suku-suku kata tersebut untuk membentuk perkataan.

## **AWAL SAINS DENGAN PENDEKATAN STEM**

Kaedah PIL CERDAS STEM melibatkan empat fasa, iaitu Fasa Inkuiiri, Fasa Penerokaan, Fasa Reka Cipta dan Fasa Refleksi. Berikut dihuraikan aktiviti pembelajaran yang perlu dijalankan oleh guru dalam setiap fasa.

### **Fasa Inkuiiri**

Dalam fasa ini, kanak-kanak diperkenalkan kepada masalah yang akan diselesaikan dalam projek ini. Guru boleh menggunakan pelbagai cara untuk mengarahkan perhatian murid kepada topik yang akan dipelajari. Misalnya guru membawa murid keluar meneroka di sekitar halaman taska/tadika atau sekolah, menunjukkan gambar atau video mengenai isu yang terbabit, bercerita atau membaca berita daripada surat khabar, membuat lawatan dan sebagainya.

Berdasarkan isu/topik yang dibincangkan itu, guru bertanya kanak-kanak mengenai apa yang mereka sudah tahu mengenai isu/subjek berkenaan. Guru membina peta minda "Apa yang kami tahu tentang...". Peta minda ini merupakan pengetahuan awal kanak-kanak yang perlu diketahui oleh guru mengikut teori konstruktivis. Kemudian guru bersama kanak-kanak membina peta minda "Apa yang kami ingin tahu mengenai...". Dengan bimbingan guru, kanak-kanak menentukan soalan apa yang mereka ingin selidik dan jawab dalam projek ini.

### **Fasa Penerokaan**

Dalam fasa ini, kanak-kanak bersama guru mencari maklumat mengenai konsep-konsep yang berkaitan dan yang mereka telah tahu tetapi belum begitu faham. Pencarian maklumat dilakukan dengan pelbagai cara; dari internet, video, *nature walk*, lawatan, kajian buku-buku sains, dan sebagainya. Di peringkat ini, kanak-kanak membina pengetahuan baharu dan mengukuhkan pengetahuan sedia ada mengenai perkara yang dikaji.

Setelah mendapat semua maklumat yang diperlukan, mereka dibimbing untuk meneroka mengenai persoalan yang mereka sendiri mencari jawapan atau penyelesaiannya. Untuk itu, guru membimbing

kanak-kanak memikirkan reka bentuk dan alat serta bahan-bahan yang diperlukan.

### **Fasa Reka Cipta**

Dalam fasa ini, kanak-kanak membina, mencuba dan menghasilkan reka cipta kreatif berdasarkan reka bentuk yang dibuat. Mereka bekerja dalam kumpulan kecil, menggunakan alat-alat teknologi yang selamat dengan bimbingan dan pengawasan pendidik. Ciptaan yang dihasilkan boleh dipertandingkan atau dipamerkan untuk dilihat oleh rakan-rakan yang lain dan ibu bapa.

### **Fasa Refleksi**

Dalam fasa ini, kanak-kanak mereflek proses pembelajaran yang mereka lalui dan memberi pandangan tentang reka cipta yang mereka hasilkan. Guru menerapkan nilai-nilai murni dalam diri kanak-kanak mengenai kajian saintifik, menghargai hasil ciptaan rakan-rakan, kesedaran terhadap alam sekitar, kesedaran tentang teknologi dan kejuruteraan, dan penghargaan kepada Tuhan Maha Pencipta.

## **PANDUAN MENGAJAR (CERIA BERSAMA CIKI)**

### **Tajuk**

Ceria Bersama Ciki (ms 2)

### **Tunjang Utama**

Sains & Teknologi – SA 3.2.1 Mengenal pasti anggota badan.

### **Tunjang Disepadukan**

Komunikasi – BM 2.4.1 Membaca frasa yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka.

### **Objektif**

Di akhir pembelajaran, murid boleh:

1. Mengenal pasti dan menyebut 4 jenis anggota badan berdasarkan gambar.

### **Aktiviti Prabacaan**

1. Guru menyanyikan lagu Anggota Badan (Kepala, Bahu, Lutut, Kaki) dan membuat pergerakan.
2. Murid bernaung bersama-sama guru dengan mengikuti pergerakan yang guru contohkan.

### **Aktiviti Membaca**

1. Guru membaca cerita. Murid mendengar.
2. Guru meminta murid menyebut nama anggota badan berdasarkan gambar.
3. Guru menyoal murid berkenaan cerita yang dibaca.

### **Aktiviti Pengukuhan**

1. Murid melengkapkan aktiviti "Warna Kreatif" di dalam sisipan (ms 31) di tadika / rumah.

## **PANDUAN MENGAJAR (ANI DAN UMAR)**

Kisah Ani dan Umar menceritakan bagaimana Ani, Umar dan ibu menjadi superhero apabila ayah terjumpa peti besi purba di Lembah Bujang, Kedah. Peti besi tersebut mengandungi gelang-gelang tangan, leher dan kepala yang apabila dipakai menjadikan mereka mempunyai kuasa seperti superhero. Geleng leher membolehkan Ani bercakap dengan haiwan, gelang kepala membuatkan Umar mempunyai kuasa kinetik dan gelang tangan ibu menghasilkan bebola cahaya yang mampu merentas tempat dan masa. Kisah Ani dan Umar membawa anak-anak mengembara ke pelbagai tempat dan masa.

### **Tajuk**

Ani dan Umar (MS 33 - 37)

### **Tunjang Utama**

Komunikasi – BM 1.2.1 Mendengar dan memberi respons terhadap cerita yang didengar.

### **Tunjang Disepadukan**

Sains & Teknologi – SA 2.4.1 Membuat andaian yang mudah dan munasabah berdasarkan pemerhatian.

### **Objektif**

Di akhir pembelajaran, murid boleh:

1. Menceritakan semula kisah Ani dan Umar dengan bimbingan guru.

### **Aktiviti Prabacaan**

1. Guru menunjukkan gambar-gambar superhero yang terkenal.
2. Guru bertanyakan soalan kepada murid berkenaan gambar tersebut. Contoh soalan:
  - i) Apakah kuasa yang mereka miliki?
  - ii) Bagaimanakah mereka mendapat kuasa tersebut?
  - iii) Jika kamu boleh menjadi superhero, apakah kuasa yang kamu mahukan?

### **Aktiviti Membaca**

1. Guru membacakan cerita Ani dan Umar dengan penuh ekspresi dan intonasi. Murid mendengar.
2. Sambil bercerita, guru meminta murid membuat ramalan tentang apa yang bakal berlaku seterusnya.
3. Murid menjawab soalan guru berkenaan cerita yang didengar.
4. Guru membaca cerita sekali lagi.
5. Guru meminta murid menceritakan semula kisah Ani & Umar mengikut pemahaman mereka. Guru memberi bimbingan semasa murid menceritakan semula.

### **Aktiviti Pengukuhan**

1. Murid melengkapkan aktiviti "Mahir Tulis" di dalam sisipan (ms 20) di tadika/rumah.

## **TEACHING GUIDE FOR LITTLE PROF (THE NOSE KNOWS)**

The approach in teaching science, technology, engineering and mathematics (STEM) as practiced by Prof. Aminah Ayob and her team from Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) follows the following phases:

1. Inquiry
2. Exploratory
3. Experimental / Design
4. Reflection

In this issue, children will learn about the organ that is used for smelling which is the nose, and how we can detect different kinds of smells even without seeing the objects.

### **Title**

Little Prof (page 38 - 39)

### **Main Domain**

Sains & Teknologi - SA 2.1.1 Memerhati persekitaran menggunakan deria:  
(iii) Bau

### **Integrated Domain**

Komunikasi – BI 3.2.7 Communicate ideas and information by using drawing, marks, symbols and writing with invented spelling.

### **Objectives**


At the end of the lesson, children will be able to:

1. Name the organ that detect scents (Little Prof, page 38-39).
2. Understand that we can smell even without seeing the object.
3. Appreciate that there are substances that are odourless for example water.
4. Understand that the nose is also important for breathing and speaking.

Let's go through the 4 phases of teaching and learning as mentioned above.

## 1. INQUIRY PHASE

Ask the children, "What do you know about the nose?" Make a **Web of What We Know About the Nose** with examples of children's responses as shown below:



**Web 1: Web of "What Do You Know About the Nose?"**

For preschool children, the teacher writes the ideas on the board.

## 2. EXPLORATORY PHASE


In this phase, the teacher/parent guides the children to discover about the nose and its function. Explore the subject together with the children by using references from the internet, books and other suitable sources to find information and to clarify any misconceptions on the topic. At this level the children should know about the basic functions of the nose namely to breathe and smell. Ask questions like:

- Can we know a smell without seeing the object?

- What are the other functions of the nose?
- Why is the sense of smell important?

### 3. EXPERIMENTAL / DESIGN

Next, in order to fulfill the learning standard KSPK 2.1.1, inform the students that we are going to do an experiment on different kinds of scents and taking the cue from child C. Make a web on "What else you want to know about the nose and different kinds of smells?" with examples of questions as in Web 2. Encourage them to ask questions.



**Web 2:** "What else you want to know about the nose and different kinds of scents?"

Do the experiment in the Little Prof segment (page 38-39) which shows that we can smell without seeing the substance. Record their results in

Lab Notes activity on page 30. Another interesting fact is that the nose is also involved in speech.

In addition, the project in **Let's Do it** section (page 10 - 11) is a related activity that involves combination of scents to make a perfume!

#### **4. Reflection phase:**

To conclude the session, encourage the children to discuss what they have learned about the nose and the detection of different kinds of scents. Teacher/parent should also instill the practice of teamwork, learning to take turns to speak and sharing of ideas. We should be grateful to God for creating our nose so that we can appreciate the good scents, be it natural or synthetic.

## **PANDUAN MENGAJAR (KISAH TELADAN)**

Kisah Teladan bertajuk "Yang Lebih Penting" menceritakan tentang kisah seekor burung gagak dan seekor burung merak. Si merak sentiasa berbangga dengan bulunya yang cantik dan berwarna-warni. Ia memandang rendah kepada si gagak yang berkepak pendek dengan bulu yang hitam. Walaupun berkepak pendek dan berbulu hitam, si gagak tetap bersyukur dengan dirinya dan sentiasa mengucapkan "Alhamdulillah". Apabila muncul seekor harimau yang hendak menerkam kedua-dua burung ini, gagak menjerit "Bismillah" dan terbang tinggi namun merak yang bangga diri hanya mampu berlari-lari. Pengajaran daripada cerita ini ialah untuk sentiasa merendah diri dan jangan memandang rendah kepada orang lain.

### **Tajuk**

Kisah Teladan (MS 40 - 43)

### **Tunjang Utama**

Kerohanian, Sikap & Nilai – PI 5.1.1 Mengamalkan lafaz basmalah dan hamdalah dalam setiap perbuatan yang baik.

### **Tunjang Disepadukan**

Komunikasi – BM 1.2.1 Mendengar dan memberi respons terhadap cerita yang didengar.

### **Objektif**

Di akhir pembelajaran, murid boleh:

1. Mengucapkan lafaz basmalah dan hamdalah dengan jelas.

### **Aktiviti Prabacaan**

1. Guru menunjukkan gambar Haikal di muka surat 40.
2. Murid menjawab soalan yang diajukan guru berkenaan gambar tersebut.

### **Aktiviti Membaca**

1. Guru membacakan Kisah Teladan dengan penuh ekspresi dan intonasi. Murid mendengar.
2. Murid menjawab soalan guru berkenaan cerita yang didengar.

3. Guru bercerita dan membezakan sikap si merak yang sentiasa berbangga diri dan sikap si gagak yang sentiasa merendah diri.
4. Guru memberi contoh-contoh situasi yang memerlukan murid untuk mengucapkan lafaz basmalah dan hamdalah.
5. Murid mengucapkan lafaz basmalah dan hamdalah.

### Aktiviti Pengukuhan

1. Murid melengkapkan aktiviti "Mahir Jawi" dan "Pendidikan Islam" di dalam sisipan (ms 26 - 29) di tadika/rumah.

## **TEACHING GUIDE (CHAN CHAN THE CHICK)**

Do We Look Alike? is the title of Story Time with Chan Chan. It tells a story about Chan Chan and his parents. Chan Chan describes his parent's physical features and compares them to his features.

You Are Special is the title of the song in the story and it can be sing to the tune of "Are You Sleeping". It conveys the message that everyone is special despite the many differences that we have.

### **Title**

Chan Chan the Chick (Page 46 - 48)

### **Main Domain**

Komunikasi – BI 1.1.2 Listen to and respond to stimulus given:

- (ii) Voice sounds
- (ii) Rhythm and rhyme

### **Integrated Domain**

Sains & Teknologi – SA 3.2.1 Mengenal pasti anggota badan

### **Objective**

At the end of the lesson, students will be able to:

1. Name two parts of body based from the story.

### **Pre-Reading Activity**

1. Teacher sings the song on page 48 with the correct intonation and expression.
2. Teacher asks questions pertaining to the song. Example of questions:
  - a) What makes you special?
  - b) What is so special about your friend?

### **Reading Activity**

1. Teacher reads aloud the story with intonation and expression.
2. Teacher asks questions pertaining to the story. Example of questions:
  - a) What are the similar body parts that you and Chan Chan have?

- b) What other body parts that Chan Chan have that you don't have?
  - c) Who does Chan Chan look alike?
  - d) Do you look more like your mother or your father?
3. Teacher emphasize on the physical differences that we have. This difference is what makes each and every one of us unique and we should embrace our differences.

### **Post-Reading Activity**

1. Students complete the Word Hunt activity on page 18 at school/home.